

SOALAN NO: 46

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG [IPOH TIMUR]
TARIKH : 1 OGOS 2017
SOALAN : 46**

YB Tuan Su Keong Siong [IpoH Timur] yang meminta MENTERI KESIHATAN menyatakan kesediaan Kerajaan untuk melaksanakan 'Voluntary Health Insurance Scheme' di Malaysia?

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan sentiasa melakukan penambahbaikan kepada perkhidmatan kesihatan Malaysia. Untuk makluman, 1Care hanya kertas konsep transformasi sistem kesihatan Malaysia tahun 2009. Kertas konsep ini kurang mendapat sokongan dari pelbagai pihak antara lain kerana kurang kefahaman mengenai faedah dan keperluan transformasi pada masa itu. Konsep yang dicadangkan juga telah dimanipulasi oleh sesetengah pihak dengan memberi gambaran negatif untuk tujuan menakutkan rakyat dengan maklumat palsu. Ini membawa kepada ketidakpercayaan terhadap konsep tersebut tanpa pemahaman yang jelas. Maka, rancangan pelaksanaan tidak diteruskan sejak tahun 2011 lagi.

Untuk membangunkan sistem pembiayaan kesihatan yang lebih efisien, mampan dan meluaskan pilihan yang ada untuk rakyat, pada tahun

2016 kerajaan mencadangkan konsep insurans kesihatan secara sukarela atau *Voluntary Health Insurance* (VHI) dengan izin. Cadangan yang dibuat merangkumi ciri-ciri di mana VHI dikendalikan sebagai insurans perubatan yang tidak berasaskan keuntungan untuk kepentingan awam di bawah kelolaan kerajaan. VHI berperanan sebagai alternatif kepada skim insurans kesihatan swasta sedia ada untuk mereka yang mahukan opsyen pilihan sendiri. Ia akan menjadi penanda aras kepada insurans kesihatan swasta agar beroperasi dengan lebih strategik dan efisien.

Walaupun dengan adanya VHI kelak Kerajaan masih dan akan terus komited untuk terus menyediakan penyampaian perkhidmatan klinik dan hospital yang berkualiti kepada rakyat di mana mereka masih boleh akses kepada fasiliti dan perkhidmatan kesihatan Kerajaan yang komprehensif termasuklah perkhidmatan pencegahan, promosi kesihatan, rawatan perubatan dan rehabilitasi seperti biasa.

Proses perancangan VHI sedang dijalankan dan perlu diperincikan lagi. Sekiranya ia diterima pakai, ia akan dilaksanakan secara berperingkat. KKM telah menjalankan aktiviti-aktiviti yang berkaitan sebagai persediaan bagi melaksanakan VHI pada tahun hadapan. Bagi membangunkan organisasi VHI, KKM telah bekerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan seperti Bank Negara Malaysia (BNM), Kementerian Kewangan dan sebagainya.

SOALAN (47)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 1 OGOS 2017
[SELASA]

DARIPADA : YB TUAN WONG CHEN
[KELANA JAYA]

SOALAN :

YB TUAN WONG CHEN [KELANA JAYA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berikutan percanggahan pendapat secara terbuka antara Perdana Menteri dengan Tun Dr Mahathir Mohamad, adakah Kerajaan sudi mengubah undang-undang supaya PETRONAS bertanggungjawab kepada Parlimen dan bukan kepada Perdana Menteri sahaja.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan belum bercadang untuk meminda undang-undang sedia ada iaitu Akta Pembangunan Petroleum 1974. Sekiranya terdapat keperluan untuk meminda Akta berkenaan di masa hadapan, Kerajaan akan meneliti perkara ini dengan melibatkan semua pihak-pihak berkepentingan (*stakeholders*).

Sekian, terima kasih.

1 Ogos 2017